

# Malaysia harap pimpinan Koizumi kekal

UM 6 JUL 2001

KUALA LUMPUR 5 Julai — Malaysia berharap Perdana Menteri Jepun yang baru Junichiro Koizumi akan kekal memimpin negara itu bagi tempoh lima tahun akan datang dalam usaha memastikan penyusunan semula struktur ekonominya berjaya dilaksanakan.

Menteri Ekonomi dan Dasar Fiskal Jepun, Heizo Takenaka berkata, harapan itu telah disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika ditemui oleh beliau di sini hari ini.

Malaysia berharap Jepun dapat keluar daripada kemelut ekonomi 10 tahun negara itu kerana ia juga akan membantu pembangunan ekonomi Malaysia dan rantau ini dari segi eksport dan kemasukan pelaburan.

Menurut Takenaka, Koizumi dilihat sebagai penyusun semula sebenar di Jepun di samping mempunyai sokongan politik yang besar iaitu antara 80 hingga 90 peratus penduduknya.

“Penyusunan semula struktur ekonomi dan pengurusan dasar-dasar ekonomi makro Jepun dijangka akan mengambil tempoh penyesuaian dua hingga tiga tahun sebelum pemulihan penuh,” katanya pada satu sidang akhbar sempena lawatannya ke Malaysia.

Menurut Takenaka, beliau juga telah menerangkan langkah-langkah lain di bawah penyusunan semula ekonomi Jepun yang sedang giat dijalankan.